

09 FEB 2003

Sukan-Hishammuddin (Pelumba)

KBS CADANG HANTAR PELUMBA BASIKAL KE EROPAH

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan bercadang menghantar pelumba basikal keluar negara, khususnya ke Eropah untuk mencari pengalaman dan pendedahan dalam sukan berkenaan.

Menterinya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini berkata satu-satunya cara untuk mengketengahkan para pelumba basikal negara dalam sukan ini ialah mendedahkan mereka kepada pelbagai kejohanan dan program latihan yang terbaik.

Beliau berkata pendedahan paling baik ialah dengan menghantar mereka ke Eropah kerana ramai di kalangan pakar lumba basikal bersetuju bahawa faktor pendedahan merupakan satu-satunya perkara yang masih kurang di kalangan pelumba negara.

"Tapi ia (ppededahan) perlu dibawah latihan satu pasukan yang benar-benar berwibawa yang mampu mengketengahkan bakat-bakat muda kita ke peringkat yang lebih tinggi lagi," katanya kepada pemberita di Dataran Merdeka di sini sebaik berakhir Jejalah Le Tour de Langkawi (LTdL) petang ini.

Perlumbaan yang disiarkan secara langsung oleh RTM itu diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hishammuddin berkata kejohanan itu membuktikan bahawa anak-anak muda negara tidak mempunyai batasan untuk bersaing dengan sesiapa juga, termasuk dari segi peluang untuk menang.

Beliau berkata apa yang penting ialah komitmen dan kesungguhan daripada mereka yang terbabit.

"Saya harap semua pihak yang berminat sama ada syarikat-syarikat swasta, Majlis Sukan Negara atau persatuan sendiri supaya bersungguh-sungguh dalam mencungkil pelumba muda kita," katanya.

Hishammuddin turut melahirkan keinginan untuk melihat lebih ramai anak-anak muda Malaysia mengambil bahagian dalam perlumbaan LTdL akan datang.

-- BERNAMA

AZH HS ZB